

14 MAY 2000

BIRO POLITIK CUEPACS BANTU KERAJAAN BERI PENERANGAN

IPOH, 14 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menerusi Biro Politiknya akan membantu kerajaan memberi penerangan sebenar kepada kakitangan kerajaan mengenai isu-isu semasa.

Presidennya Siva Subramaniam berkata kesatuan itu bersetuju dengan pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kebanyakan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan aktiviti menentang kerajaan diberikan maklumat yang salah oleh pelbagai pihak.

"Oleh itu, amatlah penting penerangan yang benar diberi kepada mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata kakitangan awam menentang kerajaan kerana tidak faham tentang perjuangan Umno atau tidak faham mengenai peristiwa-peristiwa tertentu setelah mendapat maklumat yang tidak tepat.

Siva juga mencadangkan wakil rakyat dan ketua jabatan meluangkan lebih masa untuk mendampingi kesatuan sekerja kerana ia selaras dengan pelaksanaan konsep rakan kongsi yang telah dipersetujui oleh kerajaan di semua peringkat.

Beliau turut mencadangkan supaya majlis bersama ditubuhkan di setiap jabatan kerajaan bagi membincangkan masalah kakitangan di jabatan terbabit.

-- BERNAMA

HJ NAK